

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
KAJIAN SENIBENA. PERANCANGAN & UKUR

Adalah disahkan bahawa Kajian Akhir yang bertajuk **SENI KHAT ISLAM DAN PENGGUNAANNYA** DIDALAM **SENIBENA MELAYU** ini telah disediakan oleh :

Nama : Rusjan Bin Mat Saad
K.P. ITM : 90017210

Kajian Akhir ini telah dibaca dan disemak oleh:

Penasihat : En. Amran bin Abdul Rahman.

Tanda Tangan
Penasihat



Tarikh

MAR 1991

PRAKATA

Seni tampak masyarakat Melayu juga tidak kurang dipengaruhi oleh proses pengislaman berikutan dengan pemelukannya Islam. Oleh kerana kedudukan Allah yang begitu 'tinggi', sifatnya tidak pernah diperturunkan dalam sebarang lukisan bercorak Islam, samada dalam buku simbol atau gambar yang bersifat antropomorfik dan zoomorfik. Hasil dalam bentuk seni tampak Islam tradisi yang berdasarkan prinsip estetik ini diperolehi daripada tauhid adalah tertumpu kepada hal yang diperihalkan atau motif yang tidak berbentuk perlambangan. Kaligrafi menjadi begitu penting dalam tradisi tersebut untuk mengaitkannya dengan Tuhan yang sememangnya tidak ada tolok bandingnya pada bila-bila masa pun, dan pada masa yang sama kaligrafi ini menjadi alat yang menghubungkan petikan-petikan al-Quran sebagai motif kesenian di dalam lukisan, tembikar, logam, kayu, batu-bata atau dinding simen yang menjadi perhiasan.

PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan taufik dan hidayahNya serta dengan izinNya dapat disiapkan kajian akhir yng bertajuk "Seni Khat Islam dan Penggunaannya Di Dalam Senibina Melayu". Semoga kajian yang dijalankan ini dapat memberikan manafaat kepada penulis dan juga pembaca.

Disini ingin diucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah matapelajaran ARC - 471, History Of Architecture iaitu En. Amran Bin Abdul Rahman yang telah memberi bimbingan dan bantuan semasa kerja-kerja penyelidikan dijalankan.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih diucapkan kepada :


1. Tn. Hj. Othman Bin Hj. Kassim
Arkitek Ehsan Othman.
2. Tn. Hj. Halim Bin Arshad.
Penulis Khat
3. En. Badrul Hissham Bin. Sulaiman.
Diploma Lanjutan Senibina 1991.

KANDUNGAN

MUKASURAT

- i). **PENGHARGAAN**
- BAB 1 : PENGENALAN**
 - 1.10 Objektif Kajian
 - 1.30 Methodologi Kajian
- BAB 2 : SENI KHAT DAN PENGENALANNYA**
 - 2.00 Definasi
 - 2.10 Asal-Usul Tulisan Khat
 - 2.20 Pembahagian Tulisan Khat Dan Jenis-Jenisnya.
 - 2.21 Khat Murni
 - 2.22 Lukisan Khat
 - 2.30 Jenis- Jenis Tulisan Khat
 - 2.31 Tulisan Kufi
 - 2.32 Tulisan Thuluth
 - 2.33 Tulisan Naskh
 - 2.34 Tulisan Muhaqqaq
 - 2.35 Tulisan Rayhani
 - 2.36 Tulisan Tauqi Dan Riqa'ah
- BAB 3 : SENI KHAT DAN MASYARAKAT MELAYU**
 - 3.00 Kedatangan Seni Khat Islam Ke Alam Melayu
 - 3.10 Fungsi Tulisan Khat
 - 3.11 Sebagai Media Seni Untuk Melahirkan Sessuatu Maksud
 - 3.12 Sebagai Media Untuk Mencatit Dan Menyimpan Maklumat

1.00 PENDAHULUAN



Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi
Maha Mengasihani:

"Bacalah dengan nama Tuhanmu yang
menciptakan!
Menciptakan manusia dengan segumpal
darah
Bacalah!
Dan Tuhanmu Maha Pemurah,
Yang mengajar menulis dengan kalam,
Mengajar manusia apa yang tidak
diketahuinya".

Ayat di atas merupakan ayat Al-Quran yang
pertama diturunkan oleh Allah S.W.T kepada
umat manusia melalui Nabi Muhammad S.A.W. Ia
menegaskan tentang kepentingan membaca dan
juga menulis serta menegaskan keluasan bidang
ilmu yang boleh diterokai oleh manusia. Ilmu
yang dimaksudkan mencakupi segala bidang.